

**Pengerusi Lembaga Disiplin PKR Beri Keterangan Kepada ROS
Bernama
August 28, 2014**

PUTRAJAYA, 28 Ogos (Bernama) -- Pengerusi Lembaga Disiplin Parti Keadilan Rakyat (PKR) Datuk Dr Tan Kee Kwong pada Khamis memberi keterangan di Jabatan Pendaftaran Pertubuhan (ROS) di sini berhubung pemecatan Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim sebagai anggota parti.

Perjumpaan bersama Pengarah Bahagian Penguatkuasaan ROS, ASP Akmal Yahaya itu berlangsung kira-kira dua jam, yang turut disertai peguam K.Ragunath.

Ketika ditemui pemberita selepas itu, Tan berkata beliau hadir memberi keterangan seperti diarahkan ROS selepas Menteri Besar Selangor itu membuat aduan bagi menyiasat sama ada keputusan lembaga disiplin dan majlis pimpinan pusat (MPP) PKR melanggar perlembagaan parti.

"Antara yang diminta ROS ialah komposisi lembaga disiplin parti, surat tunjuk sebab yang dikeluarkan kepada Khalid, maklumat mesyuarat MPP pada 15 Jan dan 21 Ogos lepas, tentang Langkah Kajang serta senarai kehadiran anggota MPP pada mesyuarat untuk memecat Khalid," katanya.

Selain itu, beliau berkata ROS juga bertanya sama ada Abdul Khalid ada membuat sebarang rayuan selepas pemecatannya pada 9 Ogos.

"Dalam surat pemecatan yang ditandatangani oleh Setiausaha PKR Datuk Saifuddin Nasution Ismail, jelas menunjukkan Khalid boleh buat rayuan dalam tempoh 14 hari kepada MPP. Sampai hari ini Khalid tidak buat apa-apa rayuan," kata Tan.

Dalam pada itu beliau mendakwa mustahil untuk Abdul Khalid sebagai Pengarah Pilihan Raya Kecil DUN Kajang tidak mengambil maklum mengenai pertukaran menteri besar dan tujuan pilihan raya kecil itu diadakan.

Katanya Abdul Khalid turut diminta bertemu Presiden PKR Datin Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail tiga minggu sebelum pemecatan itu untuk berbincang mengenai kedudukannya sebagai menteri besar, tetapi beliau mendakwa tidak ada masa untuk bertemu.

-- BERNAMA

Copyright © 2014 BERNAMA

Source :<http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=1064218>